



LAKAR KEMAJUAN ... seramai 20 peserta perintis Skim Pembangunan Usahawan Siswazah Bumiputera Sabah akan menjalani kursus selama empat bulan di Kampus Universiti Sabah (UMS) berikutan satu Perjanjian Persefahaman di antara UMS dan Sedco di sini petang Isnin lepas.

Objektif skim ini ialah untuk memberi peluang kepada siswazah mendapatkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pengurusan perniagaan dan keusahawanan. Perjanjian Persefahaman itu disaksikan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Tan Sri Abdul Aziz dan Datuk Wences Angang, Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Pembangunan Perindustrian.

Datuk Pengiran Mohd. Hussien (kiri) Pengurus Besar Sedco dan Datuk Profesor Dr. Kamaruzzaman Ampon bertukar-tukar dokumen perjanjian persefahaman pada majlis itu. - Foto Penerangan